

1975

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGARA INI TIDAK BOLEH LAGI DINAMAKAN MENGGAMBIL SEMPENA NAMA-NAMA ORANG YANG MASIH HIDUP, KECUALI NAMA SULTAN, DEMIKIAN DIUMUMKAN OLEH MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

KATANYA, DASAR BARU INI BERJALAN KUATKUASANYA TAHUN INI JUGA UNTUK MENGELAKKAN NAMA PARA MENTERI DAN JUGA TOKOH-TOKOH TERKEMUKA YANG MASIH HIDUP, DIGUNAKAN.

BERCAKAP DALAM TAKLIMAT KEPADA AHLI-AHLI JAWATANKUASA PARLIMEN MENGENAI PELAJARAN, DR. MAHATHIR BERKATA, ADA 400 BUAH SEKOLAH DI NEGARA INI YANG BELUM DIBERI NAMA ATAU MENUNGGU PEMBUKAAN RESMI.

KATANYA, KEBANYAKAN SEKOLAH YANG BELUM DIRASMIKAN ITU MEMINTA BELIAU MERASMIKANNYA TETAPI INI TIDAK BOLEH DILAKUKAN DAN BELIAU BERHARAP SEKOLAH-SEKOLAH AKAN MEMINTA AHLI-AHLI PARLIMEN ATAU LAIN-LAIN PEMIMPIN MERASMIKAN SEKOLAH BERKENAAN.

MENTERI ITU BERKATA, MASALAH UTAMA YANG DIHADAPI OLEH KEMENTERIANNYA JALAH MELATIH GURU-GURU, MENENTUKAN TEMPAT BERTUGAS DAN TANGGA GAJI. -- BERSAMBUNG 1523/YF

560

SEKOLAH 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, PIHAK KEMENTERIAN MENERIMA KIRA-KIRA 18,000 PERMOHONAN BERTUKAR DARIPADA GURU-GURU SETIAP TAHUN TETAPI DARI JUMLAH ITU, HANYA 2,000 PERMOHONAN SAJA DAPAT DILULUSKAN.

INI JALAH KERANA TIDAK ADA +PENGGANTI YANG SESUAI+ UNTUK MENGANTIKAN TEMPAT GURU YANG BERTUKAR ITU.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, PIHAK KEMENTERIAN SEDANG BERUSAHA SEBERAPA BOLEH UNTUK MENYELESAIKAN APA JUGA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH GURU-GURU.

DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP JAWATANKUASA PARLIMEN MENGENAI PELAJARAN INI SERING BERMASYUARAT, KALAU BOLEH, SETIAP KALI SIDANG DEWAN RAKYAT DIJALANKAN, UNTUK MEMBINCANGKAN BERBAGAI MASALAH PELAJARAN. -- BERSAMBUNG 1525/YF

561

SEKOLAH 3 KUALA LUMPUR

TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN SATU, ENCIK MURAD MOHAMED NOOR BERKATA, KADAR KECICIRAN DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH MASIH TINGGI IAITU KIRA-KIRA 50 PERATUS.

KATANYA, JUMLAH PENUNTUT DI SEKOLAH-SEKOLAH ALIRAN MELAYU TAHUN INI TELAH MENCAPAI KIRA-KIRA 750,000 ORANG.

MENGENAI PERBELANJAAN, BELIAU BERKATA SEBANYAK \$82.7 JUTA TELAH DIUNTUKNKAN BAGI UNIVERSITI-UNIVERSITI TAHUN INI.

KATANYA, KERAJAAN MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$20,000 SETAHUN UNTUK MENGELUARKAN SEORANG SISWAZAH DARI UNIVERSITI KEBANGSAAN DAN \$15,000 SETAHUN, BAGI SEORANG SISWAZAH DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

DI UNIVERSITI MALAYA PULA, KERAJAAN MEMBELANJAKAN \$2,224 SETAHUN UNTUK MENGELUARKAN SEORANG SISWAZAH KESUSASTERAAN, \$2,526 BAGI SISWAZAH EKONOMI DAN \$10,000 BAGI SEORANG DOKTOR.
-- BERNAMA 1533/YF